

Lotus's Shopee dan Lazada Official Store | Peraduan Beli & Menang Bersama Dugro® | 1 Disember 2024 – 31 Disember 2024

Terma dan Syarat:

1. Peraduan Beli & Menang ini ("**Peraduan**") dianjurkan oleh Danone Specialized Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd. ("**Pihak Penganjur**"). Dengan menyertai Peraduan, anda ("**Peserta**"):
 - a. mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menerima terma dan syarat Peraduan ini yang tertera di bawah ("**Terma dan Syarat**").
 - b. memberi persetujuan kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan Data Peribadi anda mengikut Terma dan Syarat yang ditetapkan menerusi notis privasi di pautan berikut:
<https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html>
 - c. bersetuju bahawa keputusan Pihak Penganjur berhubung semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk pengadil dan pemilihan pemenang adalah muktamad, keputusan adalah terikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh para Peserta. Sebarang surat-menyurat dan rayuan tidak akan dilayan.
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada tahun 2024) kecuali kakitangan Pihak Penganjur dan ahli keluarga mereka yang terdekat termasuk syarikat-syarikat sekutunya, pihak yang terlibat dalam pembekalan/pengedaran, agensi-agensi promosi, dan agensi-agensi pengiklanan yang terlibat dalam Peraduan ini.
3. Peraduan bermula pada **1 Disember 2024** dan berakhir pada **31 Disember 2024** ("**Tempoh Peraduan**"). Tarikh akhir penerimaan penyertaan Peraduan adalah pada 31 Disember 2024 pada jam 23.59PM. Hanya resit asal bermula pada tarikh 1 Disember 2024 dan berakhir pada 31 Disember 2024 ("**Bukti Pembelian**") dianggap sah untuk menyertai Peraduan ini. Bukti Pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja. Sebarang penyertaan lewat atau penyertaan dengan bukti pembelian bertarih bukan dalam Tempoh Peraduan yang dinyatakan, tidak akan dilayan. Pihak Penganjur, mengikut budi bicara mereka, berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa dan pemindaan tersebut akan dimaklumkan menerusi pautan <https://www.dugro.com.my/bm.html> atau dalam sebarang bentuk cara lain. Penyertaan Peraduan dianggap diterima pada masa pembelian produk yang mengambil bahagian di Kedai Rasmi "Official Store" Lotus's Shopee dan Lazada Official Stores serta penghantaran selesai untuk pesanan tersebut. Komputer Pihak Penganjur adalah peranti penyimpan masa rasmi untuk Peraduan ini.
4. Cara-cara penyertaan:
 - a. Peraduan ini hanya sah untuk setiap pembelian produk Dugro® Langkah 3/4/5 (550g/850g/1.5kg) sebarang varian, Dugro® Fruit & Veg, Dugro® Sure, Dugro® Sure PLUS, Dugro® Soy bernilai RM100 dan ke atas dalam satu resit asal dan setiap resit asal hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Semua penyertaan adalah terhad kepada produk yang dibeli daripada **Kedai Rasmi**

“Official Store“ Lotus’s Lazada (<https://www.lazada.com.my/shop/lotuss-official-store/>) dan Shopee (<https://shopee.com.my/lotuss.fbs>) (“Kedai Terlibat”) semasa tempoh Peraduan.

b. Penyertaan akan didaftarkan secara automatik selepas membeli produk yang terlibat ketika dalam Tempoh Peraduan dengan syarat penyertaan yang dihantar adalah lengkap mengikut Terma dan Syarat yang ditetapkan.

c. Peserta hendaklah membuat tangkapan skrin yang jelas menunjukkan butiran pembelian dalam talian yang turut mengandungi nombor bersiri pembelian serta transaksi pembelian yang berjaya. Hanya tangkapan skrin yang lengkap akan dianggap sebagai penyertaan yang sah. Peserta perlu mengemukakan tangkapan skrin tersebut sebagai bukti penyertaan jika diminta oleh Pihak Penganjur.

d. Setiap resit (Bukti Pembelian) hanya boleh digunakan sekali sahaja untuk menyertai Peraduan.

e. Jika anda adalah pemenang yang disenarai pendek, agensi yang dilantik akan menghubungi anda melalui aplikasi WhatsApp. Anda juga akan diminta untuk memberikan jawapan : “ Dugro ialah pilihan hati saya kerana” (kurang daripada 20 patah perkataan).

f. Bukti Pembelian dianggap sah dengan butiran berikut:

i. Masa dan tarikh pembelian.

ii. Nama dan laman web Kedai Terlibat dimana pembelian dibuat.

iii. Nombor resit pembelian.

iv. Penerangan penuh produk Dugro® dalam pembelian.

5. Hadiah Peraduan (“**Hadiah**”):-

a. E-Baucar Petronas bernilai RM50 x 100 pemenang (25 pemenang setiap minggu)

b. Jadual Mingguan :

Minggu 1 : 1 Dis 2024 -8 Dis 2024

Minggu 2 : 9 Dis 2024 -15 Dis 2024

Minggu 3 : 16 Dis 2024 -22 Dis 2024

Minggu 4 : 23 Dis 2024 -31 Dis 2024

6. Pemilihan Pemenang:

a. Pemenang Hadiah akan dipilih berdasarkan jawapan yang paling kreatif daripada kumpulan penyertaan yang sah. (“**Finalis**”).

b. Jika atas sebarang sebab pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan, (cth., panggilan tidak berjawab, nombor telefon yang diberikan tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan rangkaian, dsb.) Hadiah akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekalipun jika peserta Finalis tidak dapat dihubungi.

c. Penganjur dan ejen yang dilantik akan menghubungi pemenang yang terpilih melalui aplikasi WhatsApp. Penganjur dan/atau ejen yang dilantik tidak bertanggungjawab sekiranya Peserta menetapkan 'Mesej Hilang' melalui aplikasi WhatsApp di mana benang perbualan dan imej dipadamkan dalam masa yang ditetapkan. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi dalam tempoh masa yang ditetapkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah pemenang tersebut dan/atau memilih pemenang lain.

d. Setiap peserta hanya akan memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Peraduan, tanpa mengira bilangan penyertaan yang diserahkan kepada Pihak Penganjur.

e. Keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur adalah muktamad, terikat dan tidak boleh dipertikaikan. Pertikaian dan/atau aduan menerusi sebarang bentuk komunikasi tidak akan dilayan.

7. Penyampaian Hadiah:

a. Hadiah akan dihantar kepada pemenang. Pemenang bertanggungjawab untuk memberikan butiran peribadi yang betul dan alamat yang sah.

c. Peraduan ini sah untuk mereka yang menetap dan mempunyai alamat di Malaysia sahaja.

d. Sebarang produk yang dipulangkan kepada Pihak Penganjur dan tidak ditebus akan dilucuthakkan.

e. Hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 8 hingga 12 minggu bermula 15 Januari 2025.

f. Hadiah tidak boleh dipindah milik, ditukar dan ditebus dengan wang tunai.

8. Pihak Penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam Peraduan ini termasuk pengarah, pegawai dan ejen adalah tidak bertanggungjawab terhadap yang berikut:- (a) Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan; (b) Kesilapan manusia dan kegagalan elektronik/teknikal dalam pentadbiran Peraduan ini; (c) Sebarang penyertaan yang salah dihantar atau tidak diterima; dan (d) Semua liabiliti (termasuk kematian) yang terlibat sama ada disebabkan penggunaan Hadiah dan/atau penyertaannya dalam Peraduan ini secara langsung atau tidak langsung.

9. Pihak Penganjur berhak dalam budi bicaranya untuk menolak atau membatalkan sebarang penyertaan yang salah, tidak lengkap, sukar dibaca, rosak, lewat dan/atau tidak mempunyai Bukti Pembelian yang betul. Sebarang penyertaan yang mengandungi unsur-unsur dakwaan atau fitnah, melibatkan peniruan, melanggar (atau mungkin melanggar) sebarang hak cipta, tanda dagangan, atau apa-apa hak harta intelektual atau hak milik mana-mana entiti, bagi yang masih hidup mahupun yang

sudah mati (termasuk hak-hak peribadi, publisiti atau gambaran yang palsu) akan dilucuthakkan secara automatik.

10. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan sebarang Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau hampir sama tanpa sebarang notis. Pihak Penganjur tidak akan memberi apa jua jaminan mengenai penjualan, kualiti hadiah atau kesesuaian penggunaan atas sebarang tujuan.

11. Pihak Penganjur berhak dalam budi bicaranya, untuk mengubah, menolak atau membatalkan sebarang penyertaan termasuk dan tidak terhad kepada, penyertaan yang mengandungi sebarang elemen yang berkaitan dengan bayi dan/atau produk terpilih yang melanggar Kod Etika Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.

12. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur.

13. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa keingkaran atau kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, wabak, kuarantin, kesekatan kerajaan atau tindakan kerajaan, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Pihak Penganjur.

13. Peserta adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menanggung semua risiko, liabiliti, kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan daripada penggunaan Hadiah.

14. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana Hadiah Peraduan, peserta bersetuju untuk melepaskan tanggungan Pihak Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak-pihak lain yang berkaitan dalam Peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kerugian atau liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini, penerimaan dan/atau penebusan dan/atau penggunaan bagi mana-mana Hadiah.

15. Termaktub di bawah undang-undang yang berkaitan, Peserta bersetuju untuk mengetepikan apa-apa hak yang berkenaan dengan kerugian atau kerosakan yang timbul dengan penggunaan Hadiah atau penyertaan Peserta dalam Peraduan ini terhadap Pihak Penganjur dan/atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau agensi terlantik (termasuk pembekal atau mana-mana pihak ketiga).

16. Dengan menyertai Peraduan ini dan menerima Hadiah, pemenang bersetuju dan memberi persetujuan kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat tanpa sebarang bayaran royalti atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada sebarang rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.

17. Semua Bukti Pembelian yang dikemukakan untuk Peraduan ini akan menjadi hak milik Pihak Penganjur.

18. **Pemprosesan Data Peribadi.** Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pemprosesan data peribadi yang diberikan oleh Peserta kepada Pihak Penganjur, yang termasuk nama Peserta, NRIC, alamat, alamat e-mel, butiran hubungan, dan sebarang maklumat yang mungkin mengenal pasti Peserta (secara kolektif, "**Data Peribadi**") untuk tujuan yang berkaitan dengan Peraduan seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Dengan menyertai Peraduan, Peserta juga bersetuju bahawa Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran Data Peribadi (termasuk dan tanpa had, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan) kepada agensi terlantik bagi tujuan pengurusan dan untuk menghubungi Peserta untuk tujuan Peraduan ini sahaja. Peserta mempunyai hak untuk mengakses, membetul atau menarik balik persetujuan untuk pendedahan butiran peribadi daripada Pihak Penganjur. Permintaan boleh dibuat melalui emel ke privacy.my@danone.com atau melalui telefon: 1800 38 1038. Rujuk <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html> untuk Notis Penuh di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

19. Pihak Penganjur berhak mengubah, membatalkan, menamatkan, menangguhkan atau menggantung Peraduan ini dengan memberi notis terlebih dahulu dilaman web (<https://www.dugro.com.my/bm/terma-dan-syarat.html>), dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian hadiah, membatalkan atau menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan Peserta berterusan di dalam Peraduan ini menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah). Peserta tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada Pihak Penganjur bagi sebarang kerugian yang dialami.